



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
19 JULAI 2019 (JUMAAT)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR

19 JULAI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Bekalan elektrik enam premis haram dipotong
MUKA SURAT	24

Bekalan elektrik enam premis haram dipotong

Kuala Selangor: Bekalan elektrik ke enam kilang haram memproses sisa plastik dipotong dalam satu operasi bersepadu di sekitar Ijok, Bestari Jaya dan Jeram semalam.

Penolong Pegawai Penguat Kuasa Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Lokman Ujang berkata, semua kilang itu pernah menerima beberapa notis penutupan sebelum ini.

"Operasi itu membabitkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Imigresen, polis, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Serbuan di sebuah kilang di Ijok juga mendapati ia menggajikan empat pekerja warga negara Bangladesh berusia lingkungan 25 hingga 46 tahun," katanya pada sidang media selepas operasi tamat.

Beliau berkata, walaupun semua kilang itu sudah menerima notis, pemiliknya masih gagal mematuhi arahan terbabit dan tetap meneruskan operasi mereka.

+ "Hasil pemeriksaan mendapati sebahagian besar plastik kitar semula diletakkan di luar premis yang menimbulkan kacau ganggu selain keadaan persekitaran yang tercemar dengan bau busuk," katanya.

Pada masa sama, Lokman berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap pemilik tanah persendirian yang menyewakan tapak mereka kepada pemilik kilang haram terbabit.

Sementara itu, serbuan di kawasan Zon Perindustrian Ijok, menemui premis kitar semula dipercaya tidak lagi beroperasi sejak sebulan lalu.

Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut di premis seluas 1.12 hektar itu mendapati masih ada lagi plastik kitar semula serta mesin pemprosesan.



KERATAN AKHBAR 19 JULAI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Ganti peralatan lama elak berlaku kerosakan
MUKA SURAT	56

Ganti peralatan lama elak berlaku kerosakan

Air Selangor jalankan tujuh kerja utama bermula 23 Julai

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan menjalankan tujuh kerja utama di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSPI) yang membabitkan henti tugas loji bermula jam 9 pagi pada 23 Julai ini.

Tujuh kerja utama itu membabitkan penggantian beberapa peralatan loji dan injap serta meter 'Bulk Supply Rate' (BSR Meter) sudah menjangkau usia 15 hingga 20 tahun yang boleh mengalami kerosakan pada bila-bila masa.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad, berkata pelaksanaan kerja penambahanan berlaku serta menyebabkan tempoh henti tugas loji mengambil masa lebih lama, selain gangguan berlalu air tidak berjedual kepada pelanggan.

"Audit teknikal dijalankan selepas pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) dimuktamadkan pada April lalu dan hasil audit mendapati beberapa peralatan penting perlu diganti.

"Kerja penambahanan juga perlu dilaksanakan segera bagi mengelak sebarang gangguan tidak berjedual yang boleh memberi kesan dan impak gangguan berlalu lebih besar.

"Kita tidak mahu berlaku henti tugas loji yang mengambil masa

lebih lama dan mengakibatkan gangguan bekalan air tidak berjedual kepada pelanggan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Raof berkata, Air Selangor juga melaksanakan 28 kerja tumpang bagi penggantian dan membaik taraf sistem agihan dalam tempoh henti tugas LRA SSPI.

Beliau berkata, pelaksanaan kerja tumpang itu meminimum dan mengelakkan gangguan pada masa depan berikut pelaksanaan kerja penyelenggaraan serta baik pulih pada sistem agihan.

"Segala persiapan dibuat secara rapi, malah kami komited dan perlu dilaksanakan segera bagi mengelak sebarang gangguan tidak berjedual yang boleh memberi kesan dan impak gangguan berlalu lebih besar.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyatakan bekalan air tidak dapat disalurkan kepada pengguna selepas jam 9 malam 26 Julai ini, bukan seperti dilaporkan. - Pengarang


berusaha memastikan kerja penambahbaikan berjalan lancar seperti dijadualkan serta meminimumkan impak gangguan kepada pelanggan terjejas," katanya.

LRA SSPI beroperasi mulai 1993 dan henti tugas terakhir bagi kerja penambahanan dijalankan pada 2012.

Media sebelum ini melaporkan seramai 3.22 juta penduduk di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur dijangka terjejas susulan kerja penambahbaikan LRA SSPI yang bermula 23 Julai ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kameralzaman, diperiksa berkata 758 kawasan di tujuh kawasan dijangka mengalami masalah gangguan air berjedual antara 36 hingga 84 jam.

Kawasan terbabit ialah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat.



Segala persiapan dibuat secara rapi, malah pihak kami komited dan berusaha memastikan kerja penambahbaikan ini berjalan lancar seperti dijadualkan serta meminimumkan impak gangguan kepada pelanggan terjejas.

Abdul Raof Ahmad,
Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi Air Selangor



KERATAN AKHBAR 19 JULAI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Penduduk harap masalah diselesai ikut jadual
MUKA SURAT	56

Penduduk harap masalah diselesai ikut jadual

Pelabuhan Klang: Penduduk di kawasan ini yang terbabit masalah gangguan bekalan air berjadual antara 36 hingga 84 jam pada 23 Julai ini berharap Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dapat menyelesaikan masalah itu mengikut jadual ditetapkan.

Penduduk Flat Seri Perantau, dekat sini, Khalid Jamaludin, 53, berkata jika kerja penambahan baikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) tidak mengikut masa ditetapkan, penduduk akan berdepan masalah besar.

Pada masa sama, beliau berharap kerja pengagihan bekalan air bersih yang dibuat juga perlu mengikut masa bagi mengelak penduduk menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Katanya, Air Selangor perlu mengkaji semula sistem pengagihan air yang dibuat ketika beberapa gangguan bekalan air berlaku sebelum ini.

"Masalah gangguan bekalan air tahun ini sudah beberapa kali berlaku, malah kawasan kami antara yang terakhir sistem beka-



Asmahyati mengisi air di dalam botol berikutan gangguan bekalan air berjadual di Flat Seri Perantau, Pelabuhan Klang, semalam.

[Foto Saddam Yusoff/BH]

lan air pulih sepenuhnya.

"Sementara menunggu bekalan pulih itu, penduduk berdepan masalah bekalan air bersih kerana lori tangki air yang tidak cukup," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Sementara itu, suri rumah, Asmahyati Jamaluddin, 38, berkata beliau menyimpan bekalan air bersih sebaik saja pengumuman berkenaan masalah air itu dikeluarkan Air Selangor, Selasa lalu.

Katanya, tindakan pantas itu dibuat bagi mengelak sebarang masalah timbul ketika hari kejadian.

"Saya mula menyimpan air bersih yang akan digunakan untuk memasak. Walaupun gangguan air berlaku minggu depan, tetapi saya mahu membuat persiapan awal," katanya.

Asmahyati berharap masalah air berkenaan dapat dipulihkan sepenuhnya kerana ia kerap berlaku tahun ini.



KERATAN AKHBAR 19 JULAI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Selangor sambut baik amaran SPAN
MUKA SURAT	44

Selangor sambut baik amaran SPAN

SHAH ALAM 18 Julai - Kerajaan Negeri Selangor memantau secara rapi kerja-kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRASSP1) dan akan mengambil tindakan seandainya Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) gagal mematuhi tempoh masa ditetapkan.

Menteri Besar, Amirudin Shari bagaimanapun berkata, rakyat serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga perlu sedar kenapa gangguan air secara berjadual itu tidak boleh dielakkan dan mengapa kerja penambahbaikan tersebut mesti dilakukan sekarang.

"Jika gagal kita akan mengambil tindakan sepatutnya (tetapi) saya pantau dari hari ke hari dan paling jelas, perlu diketahui juga kenapa perkara ini berlaku? Itu kena faham, sebab kita tambah baik dan kenapa bertahun ia tidak diselenggara? Kerana sebelum ini ia diuruskan badan lain.

"Hanya kira-kira setahun yang lalu sahaja baru kita boleh se-



AMIRUDIN SHARI

lenggara mengikut jadual. Sebab itulah kita umumkan secara berjadual, kalau yang tidak berjadual itu pastinya akan mengambil masa lebih lama," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam Penggerusi SPAN, Charles Santiago memberi amaran kepada Air Selangor agar menyelesaikan isu gangguan air di Lembah Klang pada minggu depan dalam tempoh 84 jam atau jika gagal, Amirudin perlu merombak pengurusan tertinggi syarikat air itu.

Sebelum ini, Air Selangor menerusi kenyataan memaklumkan beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang dan ibu negara akan mengalami gangguan air selama empat hari bermula 23 Julai nanti.

Mengulas lanjut mengenai teguran SPAN tersebut, Amirudin berkata, ia sememangnya tugas suruhanjaya tersebut dan mereka hanya mahu melihat kesungguhan semua pihak dalam memastikan tiada sebarang gangguan bekalan air.



KERATAN AKHBAR 19 JULAI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Street repairs on hold until squatters removed
MUKA SURAT	2

Street repairs on hold until squatters removed

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

THE damaged stretch of Persiaran Atmosfera in Section U5, Shah Alam, cannot be fixed unless the squatter houses built on the road reserve are removed, Shah Alam mayor Datuk Haris Kasim said.

Persiaran Atmosfera has been partially closed since mid-2017 after it was damaged by erosion which affected about 200m of the stretch. The street provides a vital link to Subang Bestari housing area, a shopping centre and a private university.

There are four extensively built squatter houses sitting on the road reserve currently.

"Getting the squatters to vacate those houses that have encroached onto the road reserve comes under the ambit of Land and Mines Department together with Petaling District and Land Office.

"We need the road reserve to build a wider monsoon drain because the current drain is too small to accommodate the volume of rainwater, resulting in excess water eroding the road," Haris explained.

He said Shah Alam City Council (MBSA) was waiting for the two departments to demolish the squatter houses following a decision made at the Selangor Economic Action Council (MTES) meeting on Nov 8, 2018.

"Both government agencies were tasked with moving the squatters and resolving the issue," he added.

Haris stressed that MBSA was forced to close the affected portion of Persiaran Atmosfera to traffic because the road was in bad condition and posed a danger to road users.

"Upgrading of Persiaran Atmosfera will be carried out by developers with projects in the area.

"But MBSA will only be able to

Mayor: Land department and Petaling district office tasked with clearing illegal buildings on road reserve



The four squatter houses are built on road reserve needed by MBSA to build a monsoon drain along Persiaran Atmosfera. — Filepic

order the developers to rebuild Persiaran Atmosfera after the squatter houses are removed," he pointed out.

He added that they were required to rebuild the road as stated in the approval of development plans for their projects.

On May 7, *StarMetro* highlighted the closure of part of Persiaran Atmosfera that made the commute for hundreds of motorists difficult as those coming from Guthrie Corridor Expressway (GCE) were forced to make a U-turn and weave past schools and housing areas in Subang Bestari. Residents and Help University and College students now have to drive a bigger loop of 2.3km to enter Subang Bestari.

MBSA had closed both directions of the dual carriageway, near the Petaling District Government Office Complex, with concrete blocks in



Motorists bear brunt of poor planning

MBSA move to close part of Persiaran Atmosfera in US Shah Alam causing daily hardship

2017. But locals used a tractor to dislodge the barrier.

When the city council discovered the deed, workers replaced the concrete blocks and cemented them to the asphalt.

Those living in Subang Bestari claim that the road closure had led to a huge increase in vehicles using the smaller inner roads that were never intended for large volume of traffic.

Resident Abdul Razak Ismail, who has been using Persiaran

Atmosfera, said consequently motorists now had to enter and leave via Jalan Hemisfera.

"More vehicles go through Jalan Utard U5/10, Jalan Nova U5/46, U5/63 and Persiaran Pelangi then exit via Persiaran Uranus in Section U4, just to get to the university or to Star Avenue Mall further down the road.

"Cars are also passing in front of SMK Bestari and SK Bestari 2, making parents worry for the safety of their children," added Razak.

Flashback of *StarMetro's* story on closure of Persiaran Atmosfera.



KERATAN AKHBAR 19 JULAI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Potong karan
MUKA SURAT	37



ANGGOTA penguatan kuasa melakukan pemeriksaan terhadap kilang memproses plastik kitar semula dalam operasi bersepadu, semalam.

Potong karan

■ Enam pengusaha kilang kitar semula plastik haram diambil tindakan

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Tindakan enam pengusaha kilang kitar semula plastik yang beroperasi secara haram membawa padah apabila agensi penguatan kuasa bertindak memotong bekalan elektrik dan air ke premis mereka, semalam.

Sebuah kilang terbabit sudah mendapat notis arahan penutupan operasi oleh Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) sebelum ini namun gagal mematuhi peraturan.

Penolong Pegawai Pengawatkuasa MDKS Lokman Ujang berkata, operasi bermula jam 10.30 pagi membabitkan empat kilang di Ijok serta dua lagi di Bestari Jaya dan Jeram.



ANGGOTA penguatan kuasa memotong kunci kilang haram yang enggan memberikan kerjasama.

Menurutnya, operasi turut membabitkan penguatan kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.

"Serbuan dijalankan susulan arahan Kerajaan Selangor yang meminta pihak

berkuasa tempatan (PBT) mengenakan tindakan tegas terhadap kilang kitar semula plastik haram yang beroperasi tanpa lesen.

"Kedegilan semua premis yang beroperasi selepas menerima notis menyebabkan tindakan tegas ini diambil pihak berkuasa," katanya pada sidang media selepas operasi berkenaan, semalam.



KERATAN AKHBAR 19 JULAI 2019 (JUMAAT)



AKHBAR	SINAR
TAJUK BERITA	Enam kilang kitar semula plastik haram diserbu
MUKA SURAT	34

Enam kilang kitar semula plastik haram diserbu

KUALA SELANGOR - Enam kilang kitar semula plastik yang beroperasi secara haram sekitar daerah Kuala Selangor lumpuh apabila bekalan elektrik dan air dipotong dalam operasi bersepadu semalam.

Penolong Pegawai Penguatkuasa Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Lokman Ujang berkata, serbuan melibatkan empat kilang di Ijok, masing-masing satu di Bestari Jaya dan Jeram.

"Operasi ini diadakan susulan arahan kerajaan negeri meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) membuat tindakan tegas terhadap kilang kitar semula plastik



Sebuah kilang plastik kitar semula yang diserbu dalam operasi penguatkuasaan semalam.

haram beroperasi tanpa lesen," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Lokman berkata, operasi itu melibatkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

(SPAN), imigresen, polis, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Beliau berkata, tinjauan di

sebuah kilang di Ijok mendapati terdapat empat pekerja kilang warga Bangladesh di kilang terbabit.

"Kesemua mereka berusia lingkungan 25 hingga 46 tahun dan seorang daripada mereka berusia 29 tahun yang ditahan mengaku bertemu rakannya di kilang terbabit," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini MDKS pernah mengeluarkan dua notis arahan penutupan operasi kilang terbabit.

"Bagaimanapun pemilik kilang terbabit masih ingkar," katanya.

Menurutnya, pemilik diberi notis tiga bulan untuk mengosongkan premis.